



Seramai 73 pelatih lelaki dan 43 pelatih wanita berusia antara 18 hingga 25 tahun terlibat dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 Siri 1/2025 di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah (515 AW) pada 25 Februari 2025. Foto BERNAMA

Semakan pengambilan pelatih PLKN 3.0 dibuka 10 pagi esok

June 16, 2025 8:54 pm

KUALA LUMPUR, 16 JUN: Semakan pengambilan pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) 3.0 bagi Siri 3 Tahun 2025 dibuka bermula 10 pagi esok.

Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dalam kenyataan hari ini memaklumkan semakan boleh dibuat menerusi laman sesawang atau pautan sistem PLKN 3.0 <https://plkn.mod.gov.my/pelatih/semakan/form>.

Bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran dan pentadbiran, pelatih yang terpilih perlu memberi maklum balas kehadiran melalui pautan itu sehingga 11 Julai ini.

"Sebarang maklumat lanjut berhubung perkara ini, sila hubungi Unit Pelatih, Sektor Latihan, JLKN di talian 03-4013 (Sambungan: 3612/3613/3614/3604/3603/3626) atau layari laman sesawang <https://jlkn.mod.gov.my>," menurut kenyataan itu.

■

PLKN 3.0 bagi Siri 3 Tahun 2025 akan diadakan bermula 7 September hingga 21 Oktober ini, melibatkan dua kem Askara Wataniah (AW) iaitu Rejimen 515 (AW) di sini dan Rejimen 505 (AW) di Pekan, Pahang.

Sebelum ini, 550 pelatih terdiri daripada 350 pelatih lelaki dan 200 pelatih wanita menyertai PLKN 3.0 Siri 2/2025, yang dijadualkan tamat 24 Jun ini.

– BERNAMA